NeuGen
New Lives. New Futures.

~~Source: BERITA Mediacorp/FA/fa~~

~~Publication~~Media: BERITA Mediacorp~~/FA/fa~~

Date: Friday, 22 March 2024

~~Page~~Link: https://youtu.be/OwiwsKOvzwE?si=aWdsznv_pRclkL7d ~~Digital Copy~~

Headline: NeuGen suntik keceriaan buat 110 keluarga bekas pesalah, beri habuan & duit raya

Formatted: Indent: Left: 0 cm, Hanging: 2.5 cm

~~Link to video headline: https://youtu.be/OwiwsKOvzwE?si=aWdsznv_pRclkL7d~~



NeuGen
New Lives. New Futures.

Original:

**NeuGen suntik keceriaan buat 110 keluarga bekas pesalah, beri habuan & duit raya**

SINGAPURA: Dalam usaha untuk menyebarkan semangat Ramadan, NeuGen Fund, sebuah badan amal yang ditubuhkan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) yang menyokong kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah,menganjurkan sebuah sesi berbuka puasa bersama.

Formatted: Justified

Ini bagi menyuntik keceriaan buat sekitar 500 hadirin yang terdiri dari 110 keluarga bekas pesalah yang berpendapatan rendah.

Acara yang berlangsung pada Khamis malam (21 Mac) itu juga bertujuan untuk memperkukuh semangat kebersamaan dalam masyarakat.

**ACARA PENTING DIADAKAN UNTUK MEMPERKUKUH IKATAN KELUARGA BEKAS PESALAH**

Turut hadir untuk menyerikan acara adalah Menteri Negara Ehwal Dalam Negeri, Dr Muhammad Faishal Ibrahim.

Dalam ucapan pembukaannya, beliau menyentuh tentang pentingnya ikatan keluarga yang kukuh dan masyarakat yang memberi sokongan untuk membentuk kehidupan kanak-kanak dan belia.

"Acara ini yang dianjurkan oleh NeuGen adalah penting bagi kita untuk memperkukuhkan keluarga para banduan ataupun bekas banduan di mana apabila mereka menghadapi proses dipenjarakan, ia menjejas pembangunan keluarga mereka," kata Menteri Negara Ehwal Dalam Negeri Dr Muhammad Faishal Ibrahim.

Dr Faishal turut menarik perhatian pendekatan menyeluruh NeuGen bagi membantu golongan itu.

Formatted: Justified

"Jadi dengan adanya sokongan ini ia menjadi satu landasan untuk memberi ruang pembangunan bagi keluarga mereka dan saya rasa gembira kerana ini bukan sahaja satu program yang dilakarkan oleh NeuGen.

Formatted: Justified

"NeuGen mempunyai beberapa program seperti memberikan sokongan kelas tuisyen, memberikan dermasiswa dan juga hari keluarga dan sekaligus mendampingi anak-anak ini dan juga keluarga banduan dan bekas banduan," kongsi Dr Faishal.

**IHSAN MASYARAKAT BAGI SOKONG BEKAS PESALAH**

Formatted: Justified

Beliau berpendapat bahawa usaha itu membuktikan keihsanan masyarakat untuk menolong, menyokong dan mendampingi keluarga-keluarga bagi memperkasa potensi para belia dan kanak-

NeuGen
New Lives. New Futures.

kanak.

Dr Faishal berharap usaha ini dapat menekankan mesej kepada keluarga bekas pesalah bahawa mereka akan sentiasa dibantu dan disokong.

"Mereka dapatkan mesej di mana masyarakat itu mendampingi mereka dan menyokong mereka dan saya harap ini akan masuk ke hati mereka di mana mereka dapat merasakan bahawa mereka disokong dan ditolong.

"Apabila mereka membesar, mereka berjaya, mereka tidak lupa kepada masyarakat supaya mereka dapat terus menyumbang kepada masyarakat supaya kita dapat membangunkan masyarakat yang berjaya, yang gemilang dan terus maju bersama negara Singapura," ujar Dr Faishal.

Beliau juga melahirkan penghargaannya kepada NeuGen dan rakan-rakan kongsi dalam dedikasi dan usaha mereka.

**NEUGEN KOMITED HULUR BANTUAN KEPADA KELUARGA BEKAS PESALAH SEJAK 2018**

Sejak 2018, NeuGen membuktikan komitmen mereka dalam misi untuk memperkasa kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah dengan tumpuan utama untuk mencegah kesilapan itu diulangi generasi seterusnya.

"Keluarga-keluarga yang dibantu NeuGen sering bergantung kepada sokongan dari masyarakat untuk membina semula kehidupan mereka. Acara sebegini amat bermakna bagi menyatukan komuniti kami, terutamanya bagi kanak-kanak dan belia, untuk mengukuhkan lagi ikatan sebagai satu masyarakat," kata Ahli Strategi Program NeuGen, Nur Najihah, 25 tahun.

Setakat ini, usaha dan inisiatif NeuGen sudah memberi manfaat kepada lebih 300 keluarga.

"Lebih daripada 300 keluarga telah dapat meraih manfaat daripada program NeuGen dalam tahun 2023. Pada tahun ini, matlamat kami adalah untuk menjangkau lebih ramai keluarga dengan sokongan daripada rakan masyarakat," kongsi Cik Najihah.

Melangkah ke hadapan, NeuGen merancang untuk memberikan lebih banyak sokongan, antaranya dalam segi kekuatan mental.

"Kami akan terus memberi sokongan kepada kanak-kanak dari segi pendidikan, kekuatan mental, perkembangan holistik dan kehidupan di persekitaran rumah mereka. NeuGen komited dalam usaha mencegah jenayah antara generasi menerusi pelbagai wadah dan inisiatif," kata Cik Najihah.

Formatted: Justified

Formatted: Justified

Formatted: Justified

Inisiatif NeuGen diusahakan melalui pendekatan yang lebih menyeluruh dan campur tangan pro-aktif merentas tunggak seperti pendidikan, menggunakan suara sendiri, perkembangan peribadi dan persekitaran yang memberangsangkan.

**RELAWAN INGIN PUTIK KESEDARAN TENTANG GOLONGAN ITU, BERI LEBIH BANYAK BANTUAN**

Diadakan di HomeTeamNS Khatib, para hadirin diajak untuk menikmati juadah berbuka puasa bersama.

Seramai 26 relawan yang hadir juga menceriakan mereka dengan aktiviti permainan bagi membangkitkan semangat kebersamaan Ramadan ini.

Salah satu relawan yang terlibat, Jaslyn Ng, 39 tahun berbesar hati dapat menyumbang kudrat dan tenaga buat tujuan yang murni ini.

"Tahun lepas saya berpeluang untuk melawat penjara di atas undangan NeuGen dan saya sangat terharu kerana melihat ada banyak sokongan masyarakat untuk bekas pesalah dan saya benar-benar ingin membantu keluarga dan penerima bantuan bekas pesalah ini," kata Cik Ng.

Beliau menanam harapan agar lebih ramai keluarga bekas pesalah dapat dibantu untuk mencegah jenayah antara generasi.

"Saya sangat berharap bahawa masyarakat akan memberikan lebih banyak tumpuan kepada golongan kurang bernasib baik seperti mereka jadi kami boleh menimbulkan lebih banyak kesedaran untuk membantu mereka, membantu kanak-kanak dan generasi akan datang untuk mencegah jenayah antara generasi untuk berlaku," jelas Cik Ng.

Para hadirin tidak pulang dengan tangan kosong, mereka menerima pek habuan yang mengandungi kuih-kuih dan kudapan Hari Raya yang didermakan oleh Assets Prestige Alliance (APA) dan TripAdvisor.

Formatted: Justified

Acara berbuka puasa bersama tahun ini adalah yang terbesar pernah dianjurkan NeuGen dengan jumlah hadirin yang paling ramai.

New Lives. New Futures.

237 Alexandra Road, #04-03
The Alexcier, Singapore
159929.

**T** (65) 6743 7885
**E** hello@neugen.org.sg

**www.neugen.org.sg**

"When they grow up, when they succeed, they do not forget the community so that they can continue to contribute to the community, allowing us to develop a successful, outstanding, and progressing community alongside the nation of Singapore," stated Dr Faishal.

"When they grow up and succeed, they remember the community and continue contributing, allowing us to develop a successful, outstanding, and society alongside Singapore," said Dr Faishal.

He also expressed his appreciation to NeuGen and their working partners for their dedication and efforts.

NEUGEN COMMITTED TO PROVIDING ASSISTANCE TO FAMILIES OF FORMER OFFENDERS SINCE 2018

Since 2018, NeuGen has demonstrated their commitment to empowering children and families of former offenders with a primary focus on preventing intergernerational offending.

"Families under NeuGen's care often rely on support from the community to rebuild their lives. Events like these are highly significant in uniting our community, especially for children and youth, to strengthen the bonds within our society," said the NeuGen Programme Strategist of NeuGen, Nur Najihah, 25 years old.

To date, NeuGen's efforts and initiatives have benefitted over 300 families.

"More than 300 families have benefited from the NeuGen programme in the year 2023. Our goal this year is to reach out to even more families with the support of the community," shared Ms Najihah.

Moving forward, NeuGen plans to provide more support, including in the aspect of mental strength.

"We will continue to support children in areas of education, mental resilience, holistic growth, and living environment. Through different touchpoints, NeuGen is commited to the cause of preventing intergenerational offending,"said Ms Najihah.

NeuGen's initiatives are driven through a more comprehensive approach and proactive intervention across pillars such as education, empowerment, personal development, and conducive environments.

VOLUNTEERS AIM TO RAISE AWARENESS ABOUT THE GROUP, AND PROVIDE MORE ASSISTANCE

Held at HomeTeamNS Khatib, attendees were invited to enjoy breaking fast together.

Formatted: Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

Formatted: Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

Formatted: Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

Formatted: Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

Formatted: Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

NeuGen
New Lives. New Futures.

A total of 26 volunteers present also brightened the event with games and activities to enhance the spirit of Ramadan camaraderie.

One of the volunteers involved, Jaslyn Ng, 39, felt honored to contribute her time and energy for this noble cause.

"Last year, I had the opportunity to visit a prison upon NeuGen's invitation, and I was deeply touched to see the community's support for former offenders. I truly want to help these families and ~~recipients of assistance~~dependents ~~for~~ of former offenders," said Ms Ng.

She hopes that more families ~~of former offenders~~ can be helped in order to prevent intergenerational offending.

"I genuinely hope that society will prioritise the less fortunate like them, allowing us to raise awareness and provide assistance to help children and future generations in the prevention of intergenerational crime," Ms Ng expressed.

The attendees of the event did not~~n't~~ leave empty-handed; they received ~~reward packages~~goodie bags containing festive cookies and treats donated by Assets Prestige Alliance (APA) and TripAdvisor.

With the highest number of attendees, ~~This~~ this year's communal iftar event is the largest ever organised by NeuGen~~ with the highest number of attendees~~.

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt

**Formatted:** Font: +Headings (Helvetica Neue), 11 pt